

**KDN: Rakaman BERSIH 3.0 disiarkan lepas diteliti panel
MalaysiaKini.com
June 06, 2012**

Kementerian Dalam Negeri (KDN) memaklumkan bahawa rakaman visual perhimpunan BERSIH 3.0 akan disiarkan kepada umum selepas selesai diteliti terlebih dahulu oleh Panel Penasihat Bebas.

Menurut kenyataan KDN petang ini, rakaman tersebut telah diserahkan kepada mereka sebelum ini.

"Dalam hal ini, Panel Penasihat Bebas wajar diberikan ruang dan masa secukupnya untuk membuat penilaian ke atas setiap rakaman tersebut," kata kenyataan tersebut.

Justeru, tambahnya, KDN akan mengambil maklum setiap pandangan dan nasihat daripada Panel Penasihat Bebas yang akan mengadakan mesyuarat mereka pada Isnin 11 Jun 2012.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
Source: <http://www.malaysiakini.com/news/200117>